



KELAB MITI

Kelab Sukan dan Kebajikan

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

Aras 6, Menara MITI, No 7 Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-6200 0194 / 03-6208 4717

No. Rujukan : (27) KM/SU/JLD 1

Tarikh : 14 Mei 2025

YBhg. Datuk Zahid bin Ismail

Ketua Pengarah

Malaysia Productivity Corporation (MPC)

Tingkat 21, East Wing, Menara MATRADE

Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

50480 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk,

PERMOHONAN PEMBIAYAAN BERSAMA BAGI PENGANJURAN SUKAN ANTARA AGENSI MITI TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Sukan Antara Agensi MITI** merupakan satu program anjuran Kelab MITI dan Kelab-kelab Agensi MITI yang diadakan secara dwi-tahunan. Oleh itu, **Kejohanan Sukan Antara Agensi MITI kali ke-19** ini akan diteruskan pada tahun ini mulai **31 Mei 2025** secara rasminya dan sebanyak 12 acara sukan akan dipertandingkan seperti di **Lampiran A**. Majlis penutup Sukan Antara Agensi MITI akan diadakan pada **11 Oktober 2025 sempena Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**.

3. Selaras dengan semangat kesukanan dan kesepakatan antara MITI dan semua Agensi, Mesyuarat Penyelaras Sukan Antara Agensi MITI bersama semua wakil Kelab-kelab Agensi MITI pada 20 Februari 2025 telah bersetuju supaya setiap agensi dapat menyelaras dan menganjurkan acara sukan yang telah ditetapkan. Mesyuarat juga bersetuju di mana **semua kos perbelanjaan Sukan Antara Agensi MITI 2025 ditanggung secara pembiayaan bersama** antara Kelab MITI dan semua Kelab Agensi MITI.

4. Sehubungan dengan itu, Kelab MITI ingin memohon sumbangan berjumlah **RM12,000.00** daripada *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) sebagai kos pembiayaan bersama demi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sumbangan tersebut boleh dibuat **selewat-lewatnya 20 Mei 2025 (Selasa)** melalui maklumat akaun berikut:

- Nama Akaun : Kelab MITI
- Bank : CIMB Bank
- Nombor Akaun : 8000761390

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datuk boleh menghubungi Biro Sukan dan Rekreasi, Kelab MITI seperti maklumat berikut:

- a) **Encik Muhammad Fadhil bin Arisfazilah**
No. Telefon : 03-62000202 / 016-2908612
E-mel : fadhil@miti.gov.my

- b) **Encik Ahmad Ridzuan Samsudin**
No. Telefon : 03-62084728 / 012-250 6148
E-mel : ahmadridzuan@miti.gov.my


6. Perhatian dan pertimbangan pihak YBhg. Datuk berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMIR MUSYABRI ABDUL MUTALLIB)
Presiden
Kelab Sukan dan Kebajikan MITI
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

LAMPIRAN A

**TAKWIM KEJOHANAN SUKAN MITI DAN AGENSI
TAHUN 2025**

Bil.	Sukan	Tarikh	Agensi Penganjur
a)	Majlis Perasmian	31 Mei 2025	MITI
b)	E-Games (FC 25 PS5 dan Mobile Legend Bang Bang)	31 Mei 2025	MITI
c)	Futsal	21 Jun 2025	HDC
d)	Ping Pong	12 Julai 2025	MSI / NAICO / MRM
e)	Karom, Catur dan Dam Aji	19 Julai 2025	MIDA
f)	Bola Tampar	26 Julai 2025	MIDF
g)	Badminton	2 Ogos 2025	JSM
h)	Sepak Takraw	9 Ogos 2025	EXIM Bank
i)	Bola Jaring	9 Ogos 2025	MATRADE
j)	Golf	Akan dimaklumkan kemudian (Ogos 2025)	MITI
k)	Dart	Akan dimaklumkan kemudian (Ogos 2025)	MITI
l)	Bola Sepak	13 September 2025	SIRIM / NMIM
m)	Tenpin Boling	20 September 2025	MPC
n)	Balapan dan Majlis Penutup	11 Oktober 2025	MITI / MARii